

Lebih awal untuk pilih kerajaan baru

BH - 5 OCT 1990

KUALA LUMPUR, Khamis — Pilihanraya umum di negara ini selalu diadakan lebih awal dari tempoh sepatutnya bagi membolehkan rakyat memilih kerajaan baru selaras dengan amalan demokrasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pembubaran Parlimen dan pilihanraya adalah bukti Malaysia sebuah negara demokrasi walaupun ada sesetengah golongan yang mendakwa sebaliknya.

Menurutnya, walaupun ada pihak yang mendakwa Malaysia tidak demokratik, mereka masih boleh bertanding dan sesetengahnya menang dalam setiap pilihanraya umum.

"Selain itu, mereka bukan sahaja boleh bercakap, malah mengeluarkan akhbar dan majalah yang mengecam kerajaan daripada muka pertama hingga akhir. Kalau negara ini tidak demokratik, mereka tentu sekali sahaja boleh bertanding," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sewaktu berucap di Majlis Makan Malam Presiden Umno Malaysia untuk meraikan wakil-wakil media cetak dan elektronik di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, dakwaan pembangkang bahawa akhbar di negara ini dimiliki kerajaan adalah tidak benar kerana kerajaan tidak boleh memiliki akhbar kecuali menerbitkan warta kerajaan.

"Akhbar mungkin dimiliki oleh parti-parti yang mendokong kerajaan tetapi parti-parti pembangkang juga mempunyai akhbar. Malah ada parti pembangkang yang mendakwa akhbarnya akhbar parti tetapi menjualnya kepada umum.

"Mengikut peraturan, kalau akhbar parti, ia harus diedarkan di kalangan ahli. Walaupun ia melanggar peraturan kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana mereka yang mendakwa akhbar di negara ini dikuasai kerajaan tidak pernah menyebut mengenai akhbar-akhbar di Britain yang turut memihak kepada parti Buruh dan Konservatif.